



Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Pendidikan Akidah Islam Penuntut-Penuntut Melayu di Universiti Malaysia Kelantan

Rohana Ibrahim¹

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneroka penggunaan strategi pembelajaran pengaturan kendiri dalam Pendidikan Akidah Islam dalam kalangan penuntut-penuntut Melayu di Universiti Malaysia Kelantan. Penuntut-penuntut yang mempunyai ciri-ciri dan menggunakan strategi-strategi pengaturan kendiri dalam pembelajaran Pendidikan Akidah Islam akan lebih berupaya untuk menghayati ajaran-ajaran Islam dan menjadikan ilmu akidah dan akhlak sebagai pendinding dalam kehidupan mereka seterusnya dapat meningkatkan tahap keimanan dan ketaqwaan mereka terhadap Allah SWT. Seramai 194 orang penuntut semester satu dan dua yang mengambil mata pelajaran TITAS dari pelbagai fakulti di UMK telah dipilih sebagai responden kajian dengan menggunakan metode kuantitatif dan reka bentuk kajian tinjauan (survey). Empat bahagian dalam soal selidik digunakan bagi mengutip data kajian: Profil Demografi Penuntut, Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Pendidikan Akidah Islam, Penghayatan Akidah dan Faktor Pembelajaran Sosial Penuntut Melayu di Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Data kajian telah dianalisis secara deskriptif menggunakan min dan sisihan piawai. Penggunaan strategi pembelajaran pengaturan kendiri dalam kurikulum menjadikan penuntut lebih konsisten dalam pembelajaran malahan membantu meningkatkan prestasi akademik mereka. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara tahap penggunaan strategi pembelajaran pengaturan kendiri Pendidikan Akidah Islam dengan penghayatan akidah. Hasilnya dapatan kajian menunjukkan penggunaan strategi pembelajaran pengaturan kendiri Pendidikan Akidah Islam dan penghayatan akidah berada pada tahap sederhana tinggi dalam kalangan responden.

Kata Kunci: Strategi pembelajaran pengaturan kendiri, Pendidikan Akidah Islam, faktor pembelajaran sosial.

¹ Rohana Ibrahim, Pelajar Sarjana, Jabatan Usuluddin & Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, UKM

PENGENALAN

Dalam era pemodenan dan globalisasi, hasrat untuk melahirkan insan yang cemerlang, berketrampilan dan berwawasan sememangnya menjadi impian sesebuah negara khususnya di Malaysia. Pelbagai langkah dan kaedah turut diperkenalkan oleh pihak kementerian demi memartabatkan pendidikan, maruah bangsa dan negara agar terkenal dan disegani di mata dunia. Untuk melahirkan insan yang berakidah dan berakhhlak mulia sememangnya menjadi hasrat dan cita-cita semua pihak. Hasrat ini sejajar dengan dasar sistem pendidikan yang berhasrat untuk melahirkan warganegara yang berilmu, berketrampilan, mempunyai nilai bagi menghadapi cabaran globalisasi serta perkembangan pesat sains dan teknologi² maka sewajarnya Pendidikan Akidah Islam ini menjadi nadi utama dalam sistem pembelajaran para penuntut samada di peringkat rendah, menengah maupun di institusi pengajian tinggi.

Kelemahan dan kerapuhan iman menjadikan remaja begitu mudah terjerumus ke lembah kehinaan. Menurut Azhar³, keruntuhan akidah ini bukan kerana mereka jahil tetapi mereka tidak ada panduan dan dorongan serta tidak tahu nilaian yang mana baik dan yang mana buruk. Keruntuhan akidah ini turut mempengaruhi penuntut-penuntut yang berada di IPTA. Justeru untuk mengetahui sejauhmana ia mempengaruhi tingkahlaku penuntut, maka pengkaji memilih penuntut-penuntut Melayu di UMK sebagai sampel kajian. Abdullah Shukor⁴ berpendapat, pengaturan kendiri yang baik dan berkesan tentunya dapat menjadikan kita insan yang berjaya dan untuk berjaya kita perlu mengenal pasti masalah dan mengambil langkah-langkah yang positif dalam menangani masalah tersebut.

Sebagai penuntut yang berpendidikan, *educated* dan mahir dalam pelbagai bidang serta berilmu pengetahuan, para penuntut seharusnya mendalmi pengertian akidah secara terperinci agar ia dapat membantu mereka membuat penilaian sebenar tentang sesuatu perkara samada baik atau buruk. Secara tidak langsung, ia dapat membantu penuntut mengatasi permasalahan yang mengakibatkan runtuohnya akidah. Sebenarnya penggunaan strategi pembelajaran pengaturan kendiri yang sistematik, kemas dan tersusun, tentunya membantu para penuntut lebih konsisten dan fokus terutama dalam bidang akademik mereka.

Antara objektif kajian adalah mempastikan sejauhmana penggunaan tahap strategi pembelajaran pengaturan kendiri dalam Pendidikan Akidah Islam dalam kalangan penuntut-penuntut Melayu di Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Selain itu, ia juga bertujuan mengenalpasti tahap penghayatan akidah para penuntut dan seterusnya memastikan sejauhmana strategi pembelajaran pengaturan kendiri ini membantu para penuntut meningkatkan prestasi dalam akademik mereka. Dengan adanya konsep pengaturan kendiri ini, nescaya ia berpotensi membantu penuntut-penuntut menjadi insan yang berkaliber, cemerlang dan mempunyai semangat jati diri tinggi bertepatan dengan hasrat murni kerajaan.

STRATEGI PEMBELAJARAN PENGATURAN KENDIRI

Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Pendidikan Akidah Islam (SPPKPI) adalah satu set senarai strategi pembelajaran pengaturan kendiri yang digunakan oleh penuntut-penuntut dalam Pendidikan Islam. Menurut kamus dewan “pengaturan” membawa makna perihal,

² Akta Pendidikan 1996: 11

³ Azhar Ahmad. *Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Pendidikan Akidah Islam dan Penghayatan Akhlak pelajar Sekolah Menengah di Sarawak*. Tesis PhD, Fakulti Pengajian Islam. UKM, 2006.

⁴ Abdullah Shukor, Husin dan Ibrahim Bakar. *Akidah 1*, Bangi, Selangor, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1999.

perbuatan dan sebagainya manakala “kendiri” pula bermaksud sendiri⁵. Pintrich da DeGroot, merumuskan bahawa efikasi kendiri dan strategi pembelajaran didapati mempunyai kaitan dengan prestasi akademik⁶. Efikasi kendiri menolong menentukan sejahmana usaha yang di perlukan untuk sesuatu aktiviti, tahap ketabahan apabila menghadapi rintangan dan bagaimana mereka bertahan dalam situasi yang berbahaya. Semakin tinggi tahap efikasi, semakin besar usaha, ketabahan dan ketahanan seseorang penuntut itu⁷.

Menurut Corno⁸, pengaturan kendiri merupakan proses internalisasi pembelajaran dan strategi pengurusan yang disertai dengan keupayaan untuk menggerakkan serta mengekalkannya apabila keadaan memerlukannya. Sementara Winne⁹ secara ringkas merumuskan pembelajaran pengaturan kendiri adalah satu proses pembelajaran secara sebat bersifat konstruktif dan kawal kendiri. Pengaturan kendiri amat penting kerana fungsi utama pendidikan ialah untuk membangunkan kemahiran pembelajaran seumur hidup. Kemahiran pembelajaran yang dibangunkan melalui pembelajaran pengaturan kendiri akan memberi kesan yang mendalam bukan sahaja untuk zaman persekolahan formal, malah akan berkekalan sehingga ke dunia pekerjaan yang semakin mencabar¹⁰. Oleh itu aspek penting dalam kehidupan seseorang individu yang inginkan kejayaan ialah dengan mengatur keadaan dan mengurus diri dengan sebaik yang mungkin.

Dari sudut perspektif Pendidikan Islam, penuntut berpengaturan kendiri adalah penuntut yang mengutamakan prinsip-prinsip utama Pendidikan Islam dalam pembelajaran mereka seperti melakukan muhasabah diri; bersifat ihsan, takwa, itqan, takaffur, taat dan istiqamah beribadah; mengutamakan niat yang betul; melaksanakan tadarus, uzlah, takhalli dan tajalli, tadabbur, berzikir dan memerhati kebesaran Allah dan bersyukur; serta mencontohi kebaikan dan mendengar nasihat teman, guru dan ibubapa. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa penuntut-penuntut yang memiliki ciri-ciri pengaturan kendiri yang sistematik, sudah pasti mereka akan mempunyai akidah dan akhlak yang mulia dan terpuji¹¹.

Antara langkah awal ialah penuntut seharusnya membekalkan diri mereka dengan pelbagai maklumat dan kemahiran tentang strategi pembelajaran pengaturan kendiri secara eksplisit. Dengan adanya maklumat ini ia membolehkan para penuntut menggunakan teknik-teknik pembelajaran dengan lebih berkesan, sesuai dengan keperluan dan suasana pembelajaran yang dihadapi oleh penuntut secara adaftif¹².

⁵ Kamus Dewan; edisi keempat 2010.

⁶ Pintrich.P.R. & DeGroot, E.V, “Motivational and self- regulated Learning Components of Classroom Academic Performance”. Journal of Educational Psychology 82 (1), p, 33- 40, 1990.

⁷ Butler, D.L “ Individualizing Instruction in Self-regulated Learning”, *Theory Into Practice* 41 (2), p, 2002; 81-92.

⁸ Corno, L. The metacognitive control components of self-regulated learning. *Contemporary Educational Psychology* 11: 333-346, 1986.

⁹ Winne, P.H. Inherent details in self-regulated learning. *Educational Psychologist*. 30 (4): 173- 187, 1995.

¹⁰ Ab. Halim Tamuri & Nik Mohd Rahimi. *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. UKM, Bangi. Selangor, 2002; 2006; 2010.

¹¹ Azhar Ahmad. *Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Pendidikan Akidah Islam dan Penghayatan Akhlak pelajar Sekolah Menengah di Sarawak*. Tesis PhD, Fakulti Pengajian Islam. UKM, 2006.

¹² Winne, P.H . Inherent details in self-regulated learning. *Educational Psychologist*. 30 (4) , 1995: 173-187.

PENDIDIKAN AKIDAH ISLAM DAN PENGHAYATANNYA

Menurut Sayyid Sabiq¹³, Akidah ialah kepercayaan dan keyakinan yang pasti dan tidak berbelah bagi serta tanpa keraguan dan syak wasangka kepada Allah dan segala sifatnya. Dalam konteks pendidikan, akidah Islam adalah sangat luas dan bersepada, merangkumi seluruh cara hidup manusia. Kurikulumnya datang daripada Allah SWT yang mengandungi aspek-aspek seperti akidah (kepercayaan), syariah (peraturan), ibadah (pekerjaan), akhlak (tingkah laku), sains, teknologi, sosiologi, politik, ekonomi dan lain-lain. Ia merangkumi kehidupan di dunia dan di akhirat dalam satu disiplin yang lengkap.

Pendidikan Akidah Islam memiliki keupayaan yang tidak terbatas dalam membangunkan jati diri dan mengangkat darjah manusia ke tahap paling tinggi. Oleh itu, ia merupakan satu proses mendidik dan melatih seluruh potensi yang wujud dalam diri muslim dengan kerangka Islam bersepada berasaskan prinsip-prinsip wahyu. Maka semua ilmu perlulah diletakkan di bawah autoriti dan pengendalian al-Quran dan al-Sunnah. Oleh itu setiap umat Islam wajib mengetahui, mempelajari dan mendalami ilmu akidah supaya tidak berlaku perkara-perkara yang membawa kepada penyelewengan akidah kepada Allah SWT dan tidak mudah terpengaruh dengan anasir-anasir luar seperti ajaran sesat dan sebagainya¹⁴.

Dalam Islam, akidah adalah tunjang utama yang menjadi asas kepada binaan Islam. Akidah merupakan asas kepada pembentukan akhlak umat Islam dan akhlak tidak akan terbina dengan sendirinya tanpa akidah. Inilah hakikatnya yang ditekankan dalam Islam kerana akidah tanpa akhlak ibarat seperti mahkamah tanpa hakimnya¹⁵. Menurut Iman al-Ghazali¹⁶, manusia yang ingin memiliki akhlak yang baik mestilah berusaha memperolehi ilmu pengetahuan yang mendalam sebagaimana firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 171 yang bermaksud;

مَثْلُهُمْ كَمَثْلِ الَّذِي أَسْتَوْقَدَ نَارًا فَلَمَّا أَضَاءَتْ مَا حَوْلَهُ ذَهَبَ اللَّهُ بِنُورِهِمْ
وَتَرَكُهُمْ فِي ظُلْمَاتٍ لَا يُبَصِّرُونَ

Maksudnya: *Dan bandingan (orang-orang yang menyeru) orang-orang kafir (yang tidak mahu beriman itu), samalah seperti orang yang berteriak memanggil binatang yang tidak dapat memahami selain dari mendengar suara panggilan sahaja; mereka itu ialah orang-orang yang pekak, bisu dan buta; oleh sebab itu mereka tidak dapat menggunakan akalnya.*

Sesungguhnya akidah Islam amat menitikberatkan akidah yang benar. Pemberatan terhadap penghayatan akidah juga menjadi sumber utama kepada pembentukan akidah. Oleh itu Allah SWT mewajibkan kepada seluruh umat Islam supaya berpegang teguh kepada akidah yang benar. Kesimpulannya jika akidah sahih ini diimani dan diyakini secara bersungguh-sungguh nescaya gejala-gejala yang tidak diingini tidak akan berleluasa. Malahan ia dapat

¹³ Sabiq, Sayyid. *Al-A'qa'id al-Islamiyyah*. Kaherah: al-Fath li al-'Iim al-'Arabi, 2000, 2003.

¹⁴ Khadijah Abdul Razak. Pendidikan akhlak: *Pendidikan akhlak: konsep dan peranannya dalam pembentukan insan*, Kertas Projek sarjana Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1999.

¹⁵ Mohd. Sulaiman Yasin, Mudasir Rosder. *Akidah Islam*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi, Selangor, 2001, 2005.

¹⁶ Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammed bin Muhamad. *Khuluq al-Muslim*. Al-Iskandariah: Dar al-Da'wah li al-Tab'i'i wa al-Nasyr wa al-Tauzi'i, 1997.

melahirkan manusia yang beramal, beristiqamah, ikhlas dan akhirnya dapat melahirkan generasi yang berilmu pengetahuan serta berwawasan.

FAKTOR-FAKTOR PEMBENTUKAN AKIDAH ISLAM.

Terdapat beberapa faktor yang telah dikenalpasti dapat membantu pembentukan akidah kepada penuntut-penuntut di Universiti Malaysia Kelantan (UMK), antara ialah;

Faktor Pembelajaran Sosial

Faktor Pembelajaran Sosial berdasarkan teori Pembelajaran Sosial¹⁷ dan Kognitif Sosial¹⁸ memberi penekanan terhadap faktor persekitaran, di mana faktor ini berkait rapat dengan faktor peribadi individu. Kedua-duanya boleh mempengaruhi proses pembentukan tingkah laku dalam diri seseorang melalui berbagai corak pembelajaran sosial seperti permodelan, maklumbalas, dorongan dan halangan¹⁹. Perkembangan sosial kanak-kanak dapat dikaji melalui beberapa aspek sosialisasi yang penting seperti proses peniruan dan identifikasi, aktiviti bermain, perkembangan kognisisosial, persahabatan, percakapan dan perhubungan dengan rakan sebaya. Selain pengalaman pembelajaran, faktor-faktor persekitaran sosial juga boleh mempengaruhi proses pembentukan akidah dan akhlak manusia di mana manusia itu menjalani kehidupan. Faktor persekitaran sosial yang dimaksudkan adalah elemen-elemen kemanusiaan seperti pengaruh ibu bapa, pengaruh guru-guru, pengaruh rakan sebaya, pengaruh masyarakat atau elemen-elemen bukan kemanusiaan seperti pengaruh pelbagai jenis media yang diterima oleh seseorang semasa menjalani proses kehidupan. Pengaruh persekitaran sosial yang paling awal diterima oleh seseorang manusia adalah daripada ibu bapa²⁰.

Faktor Keibubapaan

Perkembangan remaja amat penting kerana ia dipengaruhi oleh beberapa faktor terutamanya faktor keibubapaan. Ibu bapa boleh mempengaruhi pembentukan minda, akhlak dan akidah anak-anak, faktor ini telah dikenal pasti memberi sumbangan terhadap pembentukan peribadi dan tingkah laku di kalangan anak-anak. Terdapat beberapa kajian kemasyarakatan yang menunjukkan punca gejala sosial di kalangan remaja berkait rapat dengan faktor-faktor keruntuhan sistem kekeluargaan serta kegagalan keluarga dalam mendidik akidah dan akhlak anak-anak²¹.

Hasil dapatan kajian yang dilakukan oleh Asmah Ali dan Zulekha Yusof²² dalam suatu kajian mengenai peranan ibubapa dalam menangani salah laku sosial di kalangan remaja merumuskan ibubapa sememangnya mempunyai pengaruh yang kuat terhadap pembentukan

¹⁷ Bandura, A. *Social learning theory*. New Jersey: Prentice-Hall, 1977.

¹⁸ Bandura, A. *Social foundations of thought and action: A social cognitive theory*. New Jersey: Prentice-Hall, 1986, 1991.

¹⁹ Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammed bin Muhamad. *Khuluq al-Muslim*. Al-Iskandariah: Dar al-Da'kwah li al-Tab'i i wa al-Nasyr wa al-Tauzi'i, 1997.

²⁰ Ahmad Munawar Ismail. 2009. *Pengaruh Akidah Terhadap Penghayatan Akhlak Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia*. Tesis Dr. Falsafah Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

²¹ Mohd Arip Kasmo. 1998. Pembangunan akhlak pelajar di sekolah agama. *Jurnal Pendidikan*, Jil. 23, Mei: 119-127.

²² Asmah Ali & Zulekha Yusof. Salah laku sosial remaja kini: cabaran dan penyelesaian. Kertas kerja Seminar Pembangunan Keluarga Kebangsaan. Kuala Lumpur. 5 Julai, 2004.

akidah dan sahsiah di kalangan remaja. Sofiah Samsuddin dan Mohd Fuad Sawari²³, menegaskan bahawa ibu bapa mempunyai tanggungjawab yang besar di dalam mentarbiah dan mendidik anak-anak. Mereka juga memainkan peranan dalam proses pembinaan jati diri dan sahsiah anak-anak. Para ibu seharusnya memperbanyakkan bacaan ayat-ayat suci al-Quran kerana cara sebegini dapat membentuk dan mendidik anak-anak supaya bersikap baik, beriman dan berbudi pekerti mulia²⁴. Jelas sekali, ibu bapa memainkan peranan yang amat penting di dalam mentarbiah dan membentuk akidah anak-anak agar menjadi insan yang berguna di dunia dan di akhirat²⁵. Sebagaimana acuan dapat membentuk dan mencorakkan air kandungannya maka demikianlah akidah dapat membentuk dan mendidik manusia itu menjadi insan yang sempurna.

Faktor Guru Sebagai Pentarbiah

Guru memainkan peranan penting dalam mencorakkan kehidupan penuntut-penuntut di IPTA untuk menjadi insan yang berguna. Hubungan guru dengan anak didiknya adalah sangat rapat dan hubungan ini merupakan aset yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Guru-guru juga dikenal pasti mempunyai pengaruh terhadap perkembangan akidah dalam kalangan remaja dan pelajar sekolah menengah. Pengaruh ini diterapkan dalam peranan guru sebagai '*role model*', *muaddib*, *murabbi* dan *muallim*.

Guru juga merupakan pendukung aspirasi membentuk modal insan yang holistik dan bukan sekadar melahirkan mahasiswa dan mahasiswi yang cemerlang tetapi lebih utama membimbang generasi teguh keimanannya serta bersahsiah mulia. Sebagai '*role model*', guru juga perlu mempunyai sahsiah yang baik untuk dicontohi oleh penuntut²⁶. Penuntut yang berjaya menjadikan gurunya sebagai idola dalam hidup mereka. Kejayaan guru dijadikan sumber inspirasi bagi mereka untuk turut serta meraih dan mengecapi setiap detik kejayaan. Guru harus mengambil peluang ini untuk mempengaruhi pelajar dalam proses pengajaran di dalam kelas terutama dalam pembentukan akidah, sahsiah dan pembangunan nilai pelajar²⁷.

Faktor Rakan Sebaya

Faktor rakan sebaya juga dikenal pasti mempunyai pengaruh yang kuat terhadap proses pembentukan minda, akidah dan akhlak dalam kalangan penuntut sekolah menengah. Rakan sebaya juga dikenal pasti mempunyai pengaruh yang kuat terhadap proses pembentukan akhlak dalam kalangan pelajar sekolah²⁸. Rakan sebaya juga dikenal pasti mempunyai pengaruh terhadap masalah ketagihan rokok, dadah dan alkohol di kalangan remaja berusia dibawah 18

²³ Sofiah Samsudin & Mohd Fuad Sawari. Proses pembinaan personaliti anak dari alam sulbi sehingga dua tahun. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam ke 4*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. hlm. 145 – 152, 2005.

²⁴ Abdullah Nasih Ulwan. *Tarbiyyah al-awlad fi al-Islam*. (Al-Qahirk: Dar al-Islam, 2001, 2006).

²⁵ Abdullah Nasih Ulwan. *Menuju Ketakwaan*. (Terj.Mohd Kamal Mahyuddin Harun. Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 1998).

²⁶ Ab. Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Shahrin Awaluddin, Zamri Abdul Rahim, & Khadijah Abdul Razak. *Keberkesanan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam ke atas Pembangunan Diri Pelajar*. Laporan penyelidikan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia & Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2004.

²⁷ Mohamad Khairi Othman & Asmawati Suhid. Peranan Sekolah dan Guru Dalam Pembangunan Nilai Pelajar Menerusi Penerapan Nilai Murni: Satu Sorotan. *Malim-SEA Journal of General Studies*, 2010, MS 11: 117-130.

²⁸ Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail & Noranizah Yusuf. Faktor Persekutaran Sosial dan Hubungannya dengan Pembentukan Jati Diri. *Jurnal Hadhari Special Edition*, 2012, 155-172.

tahun. Kebanyakan remaja yang lari dari rumah akan mencari rakan sebayanya untuk menceritakan permasalahan mereka malah mereka akan turut sama terjebak dengan perkara-perkara negatif seperti budaya lepak dan sebagainya. Dalam Islam, ibu bapa bertanggungjawab mengenal pasti rakan-rakan yang berakhhlak mulia. Melalui rakan-rakannya yang positif ini akan wujudlah model-model positif yang boleh dikembangkan di semua peringkat²⁹.

Pengaruh Media Massa

Peranan artis melalui media massa juga dikenal pasti mempunyai pengaruh terhadap proses pembentukan akhlak dan juga akidah di kalangan penuntut. Ini adalah kerana artis menjadi ikon dan sumber maklumat kepada para penuntut sama ada penuntut dari IPTA maupun IPTS. Kebanyakan artis turut sama memainkan peranan untuk menyemai nilai-nilai positif di samping menjaga adab-adab ketimuran melalui persembahan dan cara mereka yang tersendiri ³⁰. Ini berdasarkan budaya pemakaian artis, percakapan dan pergaulan yang ditonjolkan oleh artis melalui media massa akan turut sama menjadi ikutan penuntut. Artis juga berperanan dalam menyampaikan dakwah dan mesej mereka kepada para remaja melalui lakonan, nasyid maupun nyanyian. Mereka mampu membentuk remaja hari ini ke arah yang lebih baik, bersikap mulia dan mampu mengajak mereka dari melakukan perkara-perkara yang tidak berfaedah³¹.

Faktor Warisan

Secara keseluruhan, kajian-kajian menunjukkan bahawa proses pembentukan diri seseorang juga boleh dipengaruhi oleh faktor warisan iaitu baka dan juga keturunan. Faktor warisan secara asasnya merujuk kepada sifat-sifat semulajadi yang ada pada diri seseorang dan diwarisi daripada kedua ibubapanya. Dalam konteks ini, maksud hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari mengenai kelahiran manusia menjelaskan bahawa setiap anak itu dilahirkan dalam keadaan fitrah iaitu suci, bersih dari pandangan agama. Hakikat ini juga turut diperjelaskan dalam surah al-A'raf 7: 172) di mana Allah SWT menjelaskan pengakuan dan perjanjian hakikat ketuhanan Allah SWT yang dibuat oleh setiap ruh manusia sebelum dilahirkan. Dalam hal ini, imam al-Ghazali telah merumuskan bahawa sesetengah manusia mendapat rahmat dari Allah SWT dengan dikurniakan akhlak dan akidah yang baik secara semulajadi semenjak mereka dilahirkan. Golongan ini, menurut Imam al-Ghazali, telah diciptakan dalam keadaan jiwa seimbang dan segala sendi keinginan mereka akur kepada kehendak rasional dan syariat. Contoh bagi golongan yang memperolehi akhlak yang baik melalui kaedah ini ialah kesemua para nabi dan sesetengah dari manusia yang dipilih oleh Allah SWT³².

Faktor Pengalaman Pembelajaran

Pengalaman pembelajaran merupakan proses pendidikan yang dilalui oleh seseorang sepanjang kehidupannya baik secara formal maupun tidak formal. Pengalaman pembelajaran yang dilalui seseorang sepanjang kehidupannya memberi kesan terhadap proses pembentukan

²⁹ Azizi Yahaya & Muhamad Jumat Aliju. Pengaruh Negatif Rakan Sebaya. pp.1-4. http://eprints.utm.my/10388/1/29.9_Pengaruh_Negatif_Rakan_Sebaya.pdf [24 Julai 2014], 2010.

³⁰ Muhamad Razak Idris. Pertubuhan dakwah dan fenomena Siti Nurhaliza. *Al-Islam*, 2005, 378: 36-38.

³¹ Harian Metro 18 Oktober , 2010.

³² Muhammad Abul Quasem, *The ethics of Al-Ghazali: a composite ethics in Islam*. Selangor: Crescent News (KL) Sdn Bhd, 1975.

akidah dan akhlak serta keperibadian seseorang manusia. Secara asasnya, pengalaman pembelajaran melibatkan proses pemerolehan ilmu (pengetahuan), kefahaman, kemahiran dan pembiasaan atau pembudayaan dalam diri seseorang melalui berbagai kaedah sehingga membentuk akhlak atau keperibadian seseorang yang melaluinya.

Dari segi sumber pembelajaran, al-Quran dan al-Sunnah merupakan dua sumber asas kepada pengalaman pembelajaran ke arah membentuk akidah yang terpuji pada diri seseorang. Sebagai sumber utama pembentukan akidah Islam, al-Quran memberikan panduan (*huda*) tentang proses pembentukan akidah seseorang manusia sehingga menjadi manusia yang bertaqwah (al-Baqarah 2:2). Menurut Syeikh Muhammad al-Ghazali³³, Rasulullah SAW sering mengaitkan kesempurnaan iman seseorang adalah melalui perlakuan-perlakuan akhlak dan akidah mulia diri seseorang. Perbincangan di atas menggambarkan tentang pentingnya peranan faktor-faktor pembelajaran sosial terhadap proses pembentukan akidah pada diri seseorang manusia. Proses pembentukan tingkah laku dan penghayatan akidah pada diri seseorang itu akan menjadi kayu ukur kepada pencapaian keseluruhan matlamat pendidikan Islam itu sendiri³⁴.

Faktor Masyarakat

Masyarakat juga memainkan peranan yang penting dalam pembentukan akidah dan sahsiah anak-anak. Pepatah Melayu ada mengatakan “melentur buluh biarlah ketika ia masih rebung” menekankan pentingnya pendidikan dijalankan pada awal usia kanak-kanak³⁵. Ini adalah kerana pendidikan ini merupakan proses atau aktiviti yang bertujuan untuk menghasilkan perubahan yang dikehendaki di dalam diri setiap individu yang tinggal di dalam masyarakat. Sifat yang dikehendaki itu ditentukan oleh masyarakat tempat kanak-kanak itu dilahirkan dan dibesarkan. Perkembangan satu-satu masyarakat itu bergantung kepada kekuahan sifat individu yang menjadi ahli masyarakat. Pendidikan moden sepatutnya mencipta satu keseimbangan di antara pembinaan sifat perseorangan dengan sifat kemasyarakatan untuk menghasilkan sahsiah yang lengkap dan seimbang sesuai dengan kesanggupan dan kebolehan mereka masing-masing. Matlamat akhir dalam pendidikan adalah menghasilkan suatu keadaan di mana kumpulan masyarakat yang terdiri daripada individu itu dapat menikmati cara hidup yang membina dan memuaskan³⁶.

METODOLOGI

Secara umumnya, kajian yang dijalankan ini menggunakan metod kuantitatif dan reka bentuk kajian tinjauan (*survey*). Bentuk kajian ini dipilih kerana ia amat bersesuaian dengan tujuan kajian dan membolehkan persoalan ini dilihat dari skop yang luas dan menyeluruh. Soal selidik bertindak sebagai instrumen utama bagi memperoleh data³⁷. Seramai 194 penuntut telah dipilih secara rawak mewakili populasi seramai 500 orang sebagai peserta kajian. Pemilihan penuntut

³³ Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammed bin Muhamad. *Khuluq al-Muslim*. Al-Iskandariah: Dar al-Da'wah li al-Tab'i i wa al-Nasyr wa al-Tauzi'i, 1997.

³⁴ Jalaluddin & Usman Said. *Filsafat pendidikan Islam: konsep dan perkembangan pemikirannya*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada, 1994.

³⁵ Abdullah Nasih Ulwan. *Menuju Ketakwaan*. Terj.Mohd Kamal Mahyuddin Harun. Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 1988.

³⁶ Atan Long. *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988.

³⁷ Cates, W.M. *Panduan amali untuk penyelidikan pendidikan*. Terjemahan Syaharom Abdullah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.

tahun satu yang terdiri dari semester satu dan dua untuk menyertai kajian ini dibuat kerana secara umumnya mereka telah pun mempelajari mata pelajaran Pendidikan Akidah Islam yang meliputi bidang akidah dan akhlak di peringkat rendah dan menengah. Kajian ini dijalankan di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) yang terletak di daerah Bachok, Kelantan.

DAPATAN KAJIAN

Secara umumnya, kajian ini merangkumi empat bahagian iaitu bahagian A, B, C dan D. Bahagian A; Demografi Penuntut UMK, bahagian B; Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri, bahagian C; Penghayatan akidah Islam manakala bahagian D; faktor pembelajaran sosial yang melibatkan pengaruh ibu bapa, guru-guru, rakan sebaya, masyarakat dan media massa. Hasil dapatan menunjukkan sebahagian besar dalam kalangan penuntut-penuntut Melayu di Universiti Malaysia Kelantan, cawangan Bachok negeri Kelantan lebih cenderung menggunakan strategi pembelajaran pengaturan kendiri dalam pembelajaran Pendidikan Akidah Islam. Ini memandangkan kaedah ini lebih sistematik, berjadual, kemas dan teratur. Penggunaan strategi pembelajaran pengaturan kendiri dalam kurikulum menjadikan penuntut di UMK lebih konsisten dalam pembelajaran malahan cara ini telah membantu penuntut meningkatkan prestasi akademik mereka³⁸. Bagi pensyarah pula penggunaan kaedah ini memudahkan guru untuk memberi tunjuk ajar dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) kerana penuntut telah mengulangi tajuk sebelum kuliah bermula.

Bukti yang menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara tahap penggunaan strategi pembelajaran pengaturan kendiri Pendidikan Akidah Islam dengan penghayatan akidah dalam kalangan penuntut-penuntut Melayu Universiti Malaysia Kelantan adalah berdasarkan jadual kolerasi yang ditunjukkan di bawah ini.

Jadual 1 : Hasil Ujian antara Tahap Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Pendidikan Akidah Islam dengan Tahap Penghayatan Akidah Islam

Pemboleh ubah	Tahap strategi pembelajaran kendiri		
	n	r	Signifikan
Tahap penghayatan akidah	194	0.355	0.000

*signifikan pada aras $p<0.05$

Dalam konteks pembelajaran, keberkesanan dalam penggunaan Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri dilihat berdasarkan dapatan kajian yang menunjukkan tahap Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri responden adalah tinggi. Ini berdasarkan dapatan kajian yang menunjukkan bahawa tahap Strategi Pembelajaran responden berdasarkan nilai min paling tinggi, iaitu sebanyak 5 item jawapan responden bersetuju dengan pernyataan (B5) ‘Saya memikirkan semula kelakuan saya dan mencari punca kenapa saya sukar untuk menunaikan solat lima waktu’ ($\text{min}=4.07$ dan $\text{sp}=0.615$) dan item (B15) ‘Saya akan membaca al-Quran di surau atau dihadapan rakan atau bersama ustaz bagi mengelakkan kesalahan dalam bacaan’ ($\text{min}=4.04$, $\text{sp}=0.704$). Kajian secara keseluruhan menunjukkan, hasil dapatan kajian yang dibuat oleh pengkaji berada pada tahap sederhana tinggi. Ini dapat dilihat berdasarkan jadual 2 di bawah.

³⁸ Ahmad Munawar. *Pengaruh Akidah Terhadap Penghayatan Akhlak Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia*. Tesis Phd. Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009.

Jadual 2: Tahap Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Pendidikan Akidah Islam Penuntut UMK

Kod	Item Strategi Pembelajaran	Min	Sisihan piawai	Interpretasi
B01	Saya melakukan muhasabah diri bagi memastikan ia bertepatan dengan nilai-nilai akhlak yang telah saya penuntut sebelum ini terutama di dalam subjek TITAS	3.88	.699	Sederhana tinggi
B02	Saya meminta rakan saya menyemak bacaan al-Quran saya bagi memastikan bacaan saya tidak salah.	3.49	.871	Sederhana tinggi
B03	Saya sering bertanya guru atau rakan sebaya jika saya menghadapi masalah dalam hal-hal keagamaan	3.57	.813	Sederhana tinggi
B04	Saya meminta pendapat rakan saya yang lebih arif jika saya tidak dapat melaksanakan solat dengan lebih baik.	3.63	.862	Sederhana tinggi
B05	Saya memikirkan semula kelakuan saya dan mencari punca kenapa saya sukar untuk memunaikan solat lima waktu.	4.07	.615	Tahap tinggi
B06	Saya telah berniat untuk mengubah perangai buruk saya kepada perkara-perkara yang baik dan diredayai oleh Allah Taala.	3.85	.722	Sederhana tinggi
B07	Saya meneliti setiap bacaan saya dalam solat agar bacaan saya tidak tersilap.	3.62	.681	Sederhana tinggi
B08	Saya banyak membaca buku-buku yang berkaitan dengan akidah dan akhlak bagi menambahkan lagi ilmu pengetahuan saya.	3.62	.781	Sederhana tinggi
B09	Saya mengulang kaji setiap subjek lebih awal dan membuat nota-nota ringkas sebelum subjek itu bermula.	3.79	.735	Sederhana tinggi
B10	Bagi memastikan solat saya sempurna, saya memasukkan waktu solat di dalam setiap jadual kuliah saya.	3.53	.906	Sederhana tinggi
B11	Saya sering membuat rumusan bagi fakta-fakta yang saya penuntut di dalam kursus pengajian Islam.	3.74	.680	Sederhana tinggi
B12	Saya meminjam buku dan membaca majalah atau artikel untuk menambahkan lagi pengetahuan saya khususnya dalam bidang akidah dan akhlak.	3.83	.657	Sederhana tinggi
B13	Saya menulis semula rumusan dalam subjek Tamadun Islam bagi memperkuatkannya pengetahuan saya.	3.63	.759	Sederhana tinggi
B14	Saya suka mengambil wuduk sebelum saya membaca al-Quran dan mengulang kaji penuntutan.	3.72	.723	Sederhana tinggi
B15	Saya akan membaca al-Quran di surau atau di hadapan rakan atau bersama ustaz bagi mengelakkan kesalahan dalam bacaan.	4.04	.704	Tahap tinggi
B16	Saya akan membelanjakan rakan-rakan saya makanan kegemaran mereka jika markah Tamadun Islam saya mendapat gred 'A'.	3.54	.934	Sederhana tinggi
B17	Melaksanakan solat lima waktu adalah rutin saya.	3.83	.732	Sederhana tinggi
B18	Saya sering mengulang kaji mata Penuntutan tamadun Islam bersama rakan saya di waktu petang atau malam.	3.71	.726	Sederhana tinggi
B19	Saya akan bertanya dan berjumpa dengan pensyarah saya jika tajuk atau kerja yang diberikan sukar untuk difahami.	3.75	.776	Sederhana tinggi
B20	Saya tidak suka menangguhkan tugas yang diberikan oleh pensyarah kepada saya.	3.90	.702	Sederhana tinggi
B21	Saya tidak suka menyembunyikan sebarang salah saya dan saya akan meluahkan kepada rakan yang boleh saya percayai.	3.72	.732	Sederhana tinggi
B25	Rakan-rakan banyak membantu saya dalam mendalami ilmu agama dan memperbetulkan bacaan solat serta melakukan ibadat solat dengan sempurna.	3.65	.917	Sederhana tinggi
Tahap strategi pembelajaran pengaturan kendiri Pendidikan Akidah Islam penuntut UMK secara keseluruhan		3.76	.332	Sederhana tinggi

Penemuan kajian ini telah menyokong dapatan kajian yang dilakukan oleh Azhar Ahmad³⁹, di mana hasil dapatan beliau mendapati pelajar-pelajar di sekolah menengah Sarawak dalam penggunaan strategi pembelajaran pelajar-pelajar di Sarawak juga berada pada tahap sederhana tinggi.

Dari sudut penghayatan akidah Islam pula, kebanyakan responden di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah mengamalkan akidah dan menghayatinya sejak dari awal lagi. Ini berdasarkan beberapa dapatan kajian yang menunjukkan bahawa tahap penghayatan akidah responden juga adalah tinggi. Ini dapat dilihat berdasarkan 6 item responden iaitu; (C1) ‘Saya menunaikan solat fardhu lima waktu sehari semalam (min=4.16, sp=0.737), (C29) ‘Saya segera menjawab salam apabila mendengar ada orang yang memberi salam’(min=4.04, sp=0.740), (C40) ‘Saya menunaikan solat fardhu lima waktu pada awal waktu yang ditetapkan (min=4.08, sp=0.810), (C42) ‘Saya takut akan azab Allah SWT di dunia dan akhirat’ (min= 4.40, sp= 0.700), (C44) ‘Saya mengerjakan ibadat puasa sepenuhnya dan memperbanyakkan sedekah di bulan Ramadhan’ (min=4.04, sp= 0.686), (C45) ‘Saya selalu bersyukur dengan setiap rezeki yang Allah SWT berikan kepada saya’ (min=4.25, sp=0.670). Namun begitu, sebanyak 39 item daripada 45 item jawapan keseluruhan responden berada pada tahap sederhana tinggi. Oleh itu secara keseluruhan, hasil dapatan kajian yang dibuat oleh pengkaji dalam kajian ini berada pada tahap sederhana tinggi.

Hasil keberkesanan dalam faktor pembelajaran sosial juga dapat dilihat berdasarkan hasil dapatan yang menunjukkan faktor pembelajaran sosial responden adalah tinggi di mana sebanyak 8 item jawapan responden telah bersetuju dengan pernyataan berikut. Nilai-nilai min yang diperolehi daripada analisis ini ialah; (D3) ‘Ibu bapa menjadi faktor utama dan pendorong yang kuat dalam pembentukan akidah dan akhlak diri saya’ (min=4.26, sp=0.681), (D4) ‘Ibu bapa orang yang pertama tempat saya berkongsi segala permasalahan terutama masalah pembelajaran’ (min=4.03, sp=0.705), (D5) ‘Nasihat ibu bapa menjadi benteng yang kuat bagi saya dari terjebak dengan gejala-gejala yang tidak bermoral’ (min=4.09, sp= 0.767). (D12) ‘Saya menerima teguran dari rakan-rakan secara rasional demi penambahbaikan akhlak dan akidah diri saya’ (min=4.09, sp= 0.767). (D21) ‘Budaya dan persekitaran universiti menjadikan saya tidak mudah terpengaruh dengan budaya kuning’ (min=4.11, sp=0.856), (D22) ‘Tindakan dan undang-undang universiti juga menjadi faktor pendorong dalam pembentukan akhlak saya’ (min=4.16, sp=0.693), (D24) Tindakan dari pihak berkuasa terhadap salah laku remaja mempengaruhi akidah dan akhlak diri saya’ (min=4.03, sp=0.708). (D25) ‘Budaya dan cara hidup bermasyarakat menjadi faktor pendorong yang kuat untuk saya mengamalkan sikap dan tingkah laku berakhlak’ (min=4.09, sp=0.703).

Analisis deskriptif menunjukkan tahap pembelajaran sosial dalam kalangan penuntut-penuntut Melayu di UMK berada pada tahap sederhana tinggi dapat dilihat berdasarkan hasil analisis seperti yang dinyatakan dalam jadual 3 berikut.

Jadual 3: Tahap Pembelajaran Sosial dalam Kalangan Penuntut-penuntut UMK

Kod	Item Strategi Pembelajaran Sosial	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
D01	Sikap dan tingkah laku ibu bapa menjadi model akhlak diri saya.	3.94	.806	Sederhana tinggi

³⁹ Azhar Ahmad. *Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Pendidikan Akidah Islam dan Penghayatan Akhlak pelajar Sekolah Menengah di Sarawak*. Tesis PhD, fakulti Pengajian Islam. (Bangi; Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006).

D02	Maklum balas yang diberikan oleh kedua ibu bapa saya terhadap sikap dan tingkah laku saya mempengaruhi pembentukan akidah dan akhlak diri saya.	3.72	.805	Sederhana tinggi
D03	Ibu bapa menjadi faktor utama dan pendorong yang kuat dalam pembentukan akidah dan akhlak diri saya.	4.26	.681	Tinggi
D04	Ibu bapa orang yang pertama tempat saya berkongsi segala permasalahan terutama masalah pembelajaran.	4.03	.705	Tinggi
D05	Nasihat ibu bapa menjadi benteng yang kuat bagi saya dari terjebak dengan gejala-gejala yang tidak bermoral.	4.09	.767	Tinggi
D06	Saya menjadikan pensyarah saya sebagai model dalam pembentukan akidah dan akhlak diri saya.	3.68	.900	Sederhana tinggi
D07	Saya sering berjumpa dengan pensyarah saya jika saya menghadapi sebarang kemusyikilan mengenai agama.	3.76	.813	Sederhana tinggi
D08	Guru-guru menjadi pendorong yang kuat untuk menjadikan saya insan yang berakhlak mulia.	3.94	.724	Sederhana tinggi
D09	Nasihat dari pensyarah menjadi ingatan kepada saya agar tidak mudah terjebak dengan gejala yang memesangkan akidah.	3.89	.696	Sederhana tinggi
D10	Sikap dan tingkah laku guru saya menjadi inspirasi utama kepada saya untuk menjadi seorang insan yang berakhlak dan berbudi pekerti mulia	3.91	.739	Sederhana tinggi
D11	Sikap dan tingkah laku kawan-kawan sekelas menjadi model kepada pembentukan sahsiah diri saya	3.69	.971	Sederhana tinggi
D12	Saya menerima teguran dari rakan-rakan secara rasional demi penambahbaikan akhlak dan akidah diri saya.	4.07	.772	tinggi
D13	Maklum balas yang diberikan oleh rakan sebaya boleh mempengaruhi akhlak diri saya.	3.90	.772	Sederhana tinggi
D14	Rakan-rakan menjadi pendorong yang kuat untuk saya mengamalkan sikap dan tingkah laku berakhlak.	3.88	.783	Sederhana tinggi
D16	Tingkah laku artis nasyid dan artis yang berakhlak mulia menjadi role model bagi penampilan akhlak dan tingkah laku saya.	3.84	.829	Sederhana tinggi
D17	Gejala negatif yang ditonjolkan oleh artis tempatan tidak mempengaruhi pembentukan akhlak dan akidah diri saya.	3.79	1.02	Sederhana tinggi
D18	Melalui pemerhatian dan bacaan, golongan artis menjadi pendorong kepada saya untuk mengamalkan akhlak yang baik.	3.62	.960	Sederhana tinggi
D19	Nasihat yang diberikan dalam media massa kepada golongan remaja menjadi benteng kepada saya agar tidak terjebak ke kancah maksiat.	3.92	.736	Sederhana tinggi
D20	Budaya dan persekitaran universiti menjadi panduan kepada saya untuk menjaga akhlak dan akidah saya.	3.97	.761	Sederhana tinggi
D21	Budaya dan persekitaran universiti menjadikan saya tidak mudah terpengaruh dengan budaya kuning.	4.11	.856	Tinggi
D22	Tindakan dan undang-undang universiti juga menjadi faktor pendorong dalam pembentukan akhlak saya.	4.16	.693	Tinggi
D23	Budaya dan cara hidup bermasyarakat menjadi panduan dan benteng kepada pembentukan akhlak diri saya.	3.96	.771	Sederhana tinggi
D24	Tindakan dari pihak berkuasa terhadap salah laku remaja mempengaruhi akidah dan akhlak diri saya.	4.03	.708	Tinggi
D25	Budaya dan cara hidup bermasyarakat menjadi faktor pendorong yang kuat untuk saya mengamalkan sikap dan tingkah laku berakhlak.	4.09	.703	Tinggi
D26	Budaya dan pengaruh persekitaran tidak mempengaruhi cara pemakaian dan akhlak saya	3.96	.886	Sederhana tinggi
Tahap pembelajaran sosial dalam kalangan penuntut UMK secara keseluruhan		3.97	.32885	Sederhana tinggi

KESIMPULAN

Universiti merupakan sebuah institusi pengajian tinggi yang digunakan oleh setiap penuntut untuk menimba ilmu pengetahuan. Seseorang yang ingin menjadi penuntut yang cemerlang di dunia dan di akhirat mestilah mempunyai sahsiah atau peribadi yang unggul, jiwa yang kuat dan berwibawa serta yang paling penting ialah mempunyai kekuatan dalaman yang sukar digoyah dan mempunyai keimanan yang mantap⁴⁰. Secara ringkasnya, untuk melahirkan insan yang berketrampilan dalam segenap aspek, maka Strategi pembelajaran pengaturan kendiri merupakan salah satu langkah dan kaedah terbaik yang digunakan oleh penuntut-penuntut Melayu di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dalam kecemerlangan akademik, akidah dan juga akhlak mereka. Penghayatan akidah amat penting dalam meningkatkan kefahaman akidah penuntut secara mendalam serta membantu pembentukan akhlak dan sahsiah mereka. Akidah merupakan aspek paling utama dalam kehidupan seseorang insan yang bergelar muslim. Akidah berfungsi sebagai dasar dan nadi terpenting bagi pembinaan Islam secara keseluruhan⁴¹. Justeru itu, pelbagai usaha dilakukan untuk memantapkan sahsiah dan akidah penuntut-penuntut Melayu di Universiti Malaysia Kelantan (UMK), antaranya ialah; menjaga akidah atau hubungan dengan Allah melalui solat dan bacaan ayat-ayat suci al-Quran, menjaga hubungan baik dengan ibu bapa melalui cara bersalamam, mendengar nasihat dan teguran bercakap dengan sopan, menjaga penampilan diri, percakapan dan batas-batas pergaulan dapat membantu penuntut-penuntut Melayu di UMK menjadi seorang yang berakhlek mulia, berdedikasi dan berketrampilan. Di samping strategi pembelajaran dan penghayatan akidah, faktor-faktor persekitaran sosial juga boleh mempengaruhi proses pembentukan akhlak manusia di mana manusia itu menjalani kehidupan. Kesimpulannya, strategi pembelajaran pengaturan kendiri Pendidikan Akidah Islam serta penghayatan akidah yang dilaksanakan di UMK termasuk faktor-faktor pembelajaran sosial telah memberi sumbangan positif dalam meningkatkan kefahaman akidah para penuntut. Suasana dan persekitaran pembelajaran yang kondusif serta pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang menarik mampu membentuk para penuntut menjadi insan yang cemerlang dan disegani oleh masyarakat⁴².

⁴⁰ Azhar Ahmad. *Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Pendidikan Akidah Islam dan Penghayatan Akhlak pelajar Sekolah Menengah di Sarawak*. Tesis PhD, fakulti Pengajian Islam. (Bangi; Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006).

⁴¹ Ahmad Munawar Ismail. *Pengaruh Akidah Terhadap Penghayatan Akhlak Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia*. Tesis Dr. Falsafah Fakulti Pendidikan, (Bangi; Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009).

⁴² Ab. Halim Tamuri. *Kajian perbandingan amalan pengajaran guru pendidikan Islam dalam proses pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam*. (Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2008).

BIBLIOGRAFI

- Al-Quran. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran* (30) juz. Terengganu: Percetakan Yayasan Islam Terengganu, Sdn. Bhd, 2007.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammed bin Muhamad. *Khuluq al-Muslim*. Al-Iskandariah: Dar al-Da'wah li al-Tab'i i wa al-Nasyr wa al-Tauzi'i, 1997.
- Ab. Halim Tamuri & Nik Mohd Rahimi. *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. UKM, Bangi. Selangor, 2002; 2006; 2010.
- Ab. Halim Tamuri. *Kajian perbandingan amalan pengajaran guru pendidikan Islam dalam proses pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam*. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2008.
- Ab. Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Shahrin Awaluddin, Zamri Abdul Rahim, & Khadijah Abdul Razak. Keberkesanan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam ke Atas Pembangunan Diri Pelajar. Laporan penyelidikan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia & Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2004.
- Abdullah Nasih Ulwan. *Tarbiyyah al-awlad fi al-Islam*. Al-Qahirk: Dar al-Islam, 2001; 2006.
- Abdullah Nasih Ulwan. *Menuju Ketakwaan* . Terj.Mohd Kamal Mahyuddin Harun. Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 1988.
- Abdullah Shukor Husin dan Ibrahim Bakar. 1999. *Akidah 1*, Bangi, Selangor, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1999.
- Ahmad Munawar Ismail. *Pengaruh Akidah Terhadap Penghayatan Akhlak Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia*. Tesis Dr. Falsafah Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009.
- Akta Pendidikan 1996: 11
- Atan Long. *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988.
- Asmah Ali & Zulekha Yusof. Salah laku sosial remaja kini: cabaran dan penyelesaian. Kertas kerja Seminar Pembangunan Keluarga Kebangsaan. Kuala Lumpur. 5 Julai, 2004.
- Azhar Ahmad. *Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Pendidikan Akidah Islam dan Penghayatan Akhlak pelajar Sekolah Menengah di Sarawak*. Tesis PhD, fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006.
- Azizi Yahaya & Muhamad Jumat Aliju. Pengaruh Negatif Rakan Sebaya. pp.1 4.(Unpublished).http://eprints.utm.my/10388/1/29.9Pengaruh_Negatif_Rakan_Sebaya.pdf [24 Julai 2014], 2010.
- Bandura, A. *Social learning theory*. New Jersey: Prentice-Hall, 1977.
- Bandura, A. *Social foundations of thought and action: A social cognitive theory*. New Jersey: Prentice-Hall, 1986, 1991.
- Butler, D.L. "Individualizing Instruction in Self-regulated Learning", *Theory Into Practice* 41 (2), p, 81-92, 2002.
- Cates, W.M. *Panduan amali untuk penyelidikan pendidikan*. Terjemahan Syaharom Abdullah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.
- Corno, L. The metacognitive control components of self-regulated learning. *Contemporary Educational Psychology* 11: 333-346, 1986.
- Harian Metro. 18 Oktober 2010.
- Jalaluddin & Usman Said. 1994. *Filsafat pendidikan Islam: konsep dan perkembangan pemikirannya*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada, 1994.
- Kamus Dewan. Edisi keempat s.v. "akidah" dan "keimanan", 2010.

- Khadijah Abdul Razak. Pendidikan akhlak: *Pendidikan akhlak: konsep dan peranannya dalam pembentukan insan*, Kertas Projek sarjana Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1999.
- Mohamad Khairi Othman & Asmawati Suhid. Peranan Sekolah dan Guru Dalam Pembangunan Nilai Pelajar Menerusi Penerapan Nilai Murni: Satu Sorotan. *Malim-SEA Journal of General Studies* 11: 117-130, 2010.
- Mohd. Sulaiman Yasin, Mudasir Rosder. *Akidah Islam*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi, Selangor, 2001, 2005.
- Muhamad Razak Idris. Pertubuhan dakwah dan fenomena Siti Nurhaliza. *Al-Islam*, 378: 36-38, 2005.
- Mohd Arip Kasmo. Pembangunan akhlak pelajar di sekolah agama. *Jurnal Pendidikan*, Jil. 23, Mei: 119-127, 1998.
- Muhammad Abul Quasem, *The ethics of Al-Ghazali: a composite ethics in Islam*. Selangor: Crescent News (KL) Sdn Bhd, 1975.
- Pintrich.P.R. & DeGroot, E.V, "Motivational and self-regulated Learning Components of Classroom Academic Performance". *Journal of Educational Psychology* 82 (1), p, 33-40, 1990.
- Sabiq, Sayyid. *Al-A'qa'id al-Islamiyyah*. Kaherah: al-Fath li al-'Iim al-'Arabi, 2000, 2003.
- Sofiah Samsudin & Mohd Fuad Sawari. Proses pembinaan personaliti anak dari alam sulbi sehingga dua tahun. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam ke 4*.Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. hlm. 145 – 152, 2005.
- Winne, P.H. Inherent details in self-regulated learning. *Educational Psychologist*. 30 (4): 173- 187, 1995.
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail & Noranizah Yusuf. Faktor Persekutaran Sosial dan Hubungannya Dengan Pembentukan Jati Diri. *Jurnal Hadhari Special Edition*, 155-172, 2012.
- Zimmerman, B.J. Dimensions of academic self-regulation: a conceptual framework for education. Dlm. Schunk, D.H. & B.J. Zimmerman (pnyt.). *Self-regulation of learning and performance: issues and educational application*, hlm. 177-193. Hillsdale, New Jersey: Lawrence Erlbaum, 1989a, 1994.